



Penulis: Suhaida Halamy

Bengkel Pemantapan dan Pemurnian Silibus Pengajaran Diploma Pengurusan Maklumat (CDIM110) anjuran Pengurus Utama UiTM Cawangan Kelantan pada 6-7 Mac 2023 bertempat di HRD A, UiTM Kampus Machang. Bengkel yang dianjurkan oleh UiTM Cawangan Kelantan telah diadakan selama 2 hari ini adalah bagi mempersiapkan dan memurnikan pelan pengajaran baharu yang akan dijalankan pada semester Mac 2023. Bengkel ini telah dihadiri oleh lebih 30 wakil pensyarah dari seluruh kampus cawangan dan juga turut dihadiri oleh 2 figura penting iaitu Prof Madya Dr. Mad Khir Johari Abdullah Sani (Timbalan Dekan Akademik Pusat Pengajian Sains Maklumat) dari UiTM Puncak Perdana dan Prof Madya Ts. Dr. Nasir Ismail (Timbalan Rektor Akademik UiTM Cawangan Kelantan).



Prof Madya Dr. Mad Khir Johari Abdullah Sani sedang memberikan taklimat

Jemputan figura penting dari UiTM Puncak Perdana, Prof Madya Dr. Mad Khir Johari Abdullah Sani adalah bagi berkongsi dan menerangkan kandungan-kandungan silibus dan kerja kursus yang perlu di kemaskini oleh Resource Person di aplikasi AIMS. Informasi yang diberikan amat berguna tambahan pula pelan pengajaran baharu program Diploma yang diperkenalkan bagi semester Mac 2023. Manakala Prof Madya Ts. Dr. Nasir Ismail selaku

Peserta bergambar bersama Prof Madya Dr. Mad Khir Johari Abdullah Sani (Timbalan Dekan Akademik Pusat Pengajian Sains Maklumat)

Timbalan Rektor Akademik UiTM Cawangan Kelantan yang juga merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Sains Maklumat, berbesar hati memberikan ucapan aluan dan seterusnya merasmikan bengkel yang diadakan.

Seramai lima wakil pensyarah daripada UiTM Kampus Samarahan, Cawangan Sarawak yang dijemput iaitu, Pn Norlida Ismailly, Dr. Hajah Imilia Ibrahim, Dr. Mohd Rafiz Salji, Cik Suhaida Halamy dan Pn Sabariah Abdul Samad. Beberapa kumpulan dibentuk mengikut bidang kepakaran masing-masing daripada wakil pensyarah seluruh kampus cawangan yang hadir. Sesi perbincangan diketuai oleh Resource Person (RP) bagi memantapkan kandungan silibus dan bahan pengajaran bagi setiap kod kursus. Bengkel ini telah berjalan dengan lancar selama 2 hari dan mendapat kerjasama yang baik dari semua wakil pensyarah yang hadir.

Pada hari pertama, usai sudah mengambil sarapan di dewan makan, kami pensyarah di bawa ke bilik HRD A bagi tujuan pendaftaran dan seterusnya sesi taklimat

TURUT SERTA
PENSYARAH
UiTM
SARAWAK
DALAM
BENGKEL
PEMANTAPAN
DAN
PEMURNIAN
SILIBUS
PENGAJARAN
DIPLOMA
PENGURUSAN
MAKLUMAT
(CDIM110)
DI UITM
MACHANG,
KELANTAN

diberikan oleh Dr. Nor Erlissa Abd Aziz selaku ketua penyelaras bengkel tersebut. Setelah taklimat selesai, kami diberikan kumpulan mengikut bidang kepakaran bersama-sama wakil pensyarah dari kampus cawangan yang lain. Pn Norlida Ismailly dan Dr. Hajah Imilia Ibrahim (Sains Perpustakaan), Dr. Mohd Rafiz Salji dan Pn. Sabariah Abdul Samad (Sistem Maklumat) dan Suhaida Halamy (Pengurusan Rekod). Perbincangan awal dimulakan bagi mengenal pasti maklumat-maklumat yang perlu dikemas kini bagi kod-kod baharu dan lama. Keterangan daripada Resource Person didengari dengan tekun agar perbincangan dapat dilaksanakan dengan teliti dan berkesan. Aktiviti secara 'hands on' menggunakan aplikasi AIMS juga ditunjukkan dan diteruskan sehingga tengahari. Seterusnya, selepas makan tengahari selesai, aktiviti bersambung sehingga jam 5 petang. Selesai sudah hari pertama yang sangat produktif dan informatif.

Hari kedua diteruskan dengan penuh bersemangat. Selepas bersarapan, para pensyarah yang hadir mengambil tempat masing-masing bagi meneruskan perbincangan bersama Resource Person (RP). Aktiviti yang dilakukan adalah memuktamadkan perbincangan hari pertama dan membuat konklusi daripada objektif bengkel iaitu memantapkan dan memurnikan pelan pengajian baharu bagi semester Mac 2023. Dr. Nor Erlissa Abd Aziz memberikan kesimpulan hasil perbincangan daripada setiap kumpulan. Beliau berharap hasil perbincangan dari bengkel ini dapat dikongsi dan dilaksanakan dengan jayanya bersama pensyarah-pensyarah lain di setiap kampus cawangan. Bengkel diakhiri dengan sesi bergambar dan minum petang. Para pensyarah beransur pulang ke destinasi masing-masing.

Sesi perbincangan dalam kumpulan

